

SARANA SINTESIS DAN ANALITIS DALAM TATABAHASA MELAYU

Natalia F. Alieva

Abstrak

Kepelbagaian imbuhan merupakan salah satu ciri bahasa Melayu. Pengimbuhan bahasa Melayu bersifat aglutinasi, khusus jenis Indonesia. Pengulangan morfem dan perkataan pula memainkan peranan yang produktif dalam perkembangan morfologi, kerana imbuhan aglutinatif digunakan untuk menerbitkan leksem baharu. Dalam makalah ini penulis cuba menunjukkan bahawa pengulangan morfem dan perkataan bukanlah semata-mata ciri bahasa Melayu, malah ciri bahasa Austronesia dan bahasa yang digunakan di Indocina.

Abstract

The diversity of affixes is common in Malay. The Malay affix is the agglutination of Indonesian type. The repetition of morphemes and words is vital in the development of morphology as the agglutinated affixes are used in the derivation of new lexemes. In this article, the author shows that the repetitions of morphemes and words are also found in the Austronesian language as well as in the languages spoken in Indochina.

PENDAHULUAN

Dalam bahasa Melayu, kebanyakan morfem leksis penuh berbentuk dwisuku. Sesetengahnya digunakan morfem bebas dan morfem terikat yang masing-masing sebagai kata penuh dan dalam perkataan bersusunan dwimorfemik dan polimorfemik. Morfem leksis penuh berbeza dari segi pengimbuhan dan pengulangan. Perbezaan itu merujuk kepada adanya kelas

distributif antara morfem leksis. Sebahagian kelas itu seimbang dengan kelas perkataan yang bersifat leksis tatabahasa.

Kata leksis penuh, baik dalam bentuk kata akar mahupun bentuk terbitan, berbeza daripada sebilangan kata yang tidak mempunyai makna leksis iaitu kata tugas (“yang”, kata sendi nama, kopula, kata hubung), kata seru, partikel pengungkapan dan intonasi.

Di samping dua jenis kata tersebut, terdapat kata leksis bermakna anaforis yang terdiri daripada kata yang dalam wacana merujuk kepada si penutur dan si pendengar, yang menggantikan kata penuh dengan kata nama (*ia, itu, ini, apa*), kata sifat (*begini, demikian, bagaimana*), kata kerja (*mengapa, diapakan*), kata bilangan (*sekian, berapa*).

Sarana sintesis dan analitis digunakan dalam kata terbitan leksem baharu dan dalam pernyataan makna.

SARANA SINTETIS

Sarana sintesis yang ketara dalam bahasa Austronesia ialah pengimbuhan dan pengulangan.

Dalam bahasa Melayu, pengimbuhan bukan bersifat fleksi. Sebaliknya pengimbuhan ini bersifat aglutinasi, yang masing-masing mengandungi dua hingga tiga makna tatabahasa. Aglutinasi ini khusus jenis Indonesia. Pengimbuhan jenis Indonesia menjadi jelas kalau dibandingkan misalnya dengan aglutinasi jenis Altaik (Turki, Mongol, Jepun, Korea). Aglutinasi jenis Indonesia telah saya kemukakan pertama kali pada tahun 1961 yang dikembangkan oleh beberapa ahli linguistik lain (Alieva, 1967).

Aglutinasi dalam bahasa Indonesia dikenal pasti dengan melihat beberapa banyak awalan, konfiks (sirkumfiks) dan sisipan. Pada umumnya, susunan fonologis morfem akar adalah mantap. Gejala lakuran morfonologi dengan munculnya alofon variasi fonem sengau *N* pada batas antara awalan dengan morfem akar; dan sinkretisme fungsional yakni wujudnya fungsi rangkap penerbitan dan tatabahasa (derivatif dan gramatikal) sekali gus dalam satu model imbuhan (Alieva, 1967). Kesemuanya ciri aglutinasi dalam bahasa Indonesia. Pengulangan morfem dan perkataan mempunyai peranan yang sangat produktif dan bervariasi sama ada dalam penerbitan dan pernyataan makna tatabahasa ataupun untuk fungsi pengujaran.

Di samping pengimbuhan dan pengulangan, terdapat beberapa peranan lain dalam pelbagai kelas dan subkelas kata. Semua kata leksis penuh terbahagi kepada kelas nomina dan kelas predikatif. Kelas predikatif pula terdiri daripada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, dan kata sifat.

Dalam kelas nomina terdapat morfologi derivatif yang berupa pengimbuhan dan pengulangan.

Dalam kelas predikatif, kedua-dua subkelas kata kerja mempunyai sarana morfologi/sintetis – pengimbuhan dan pengulangan – yang berfungsi terbitan dan tatabahasa. Yang berfungsi terbitan bertujuan untuk menerbitkan leksem baharu manakala yang berfungsi tatabahasa untuk memberikan makna tatabahasa seperti ketransitifan, diatesis, aspek/aspektualitas, darjah sifat.

Makna aspek biasanya berkaitan dengan makna leksis pada kata kerja. Pada sebahagian kata kerja terdapat bentuk bermakna yang berlainan aspek, seperti kata kerja yang tidak bergantung pada makna leksis sehingga menyerupai paradigma tatabahasa. Contohnya *menjual/dijual - berjual - berjual-jual - terjual; melompat - melompat-lompat - terlompat*.

Dalam kata kerja transitif terdapat sarana morfologi tatabahasa yang agak nalar yang menerbitkan paradigma bentuk yang mempunyai makna kategori ketransitifan dan diatesis. Kategori ketransitifan mempunyai pembezaan jenis objek yang boleh dijadikan pokok/pelengkap langsung – iaitu kategori ketransitifan bezaan (Alieva, 1975). Kategori diatesis memungkinkan adanya paradigma bentuk kata kerja transitif bermakna aktif, pasif, medial, (mungkin lagi neutral) dengan awalan *meN-, di-, ter-, ber-*.

Oleh sebab semua jenis bahasa dalam jenis morfologi tradisional, seperti fleksi, aglutinatif, ergatif, aktif berkelas, gabungan, polisintetik dikelaskan berdasarkan pelbagai morfologi kata nama, gender, kelas nama, maka bahasa rumpun Austronesia yang kata namanya tidak mempunyai apa-apa morfologi tatabahasa tersebut, tidak mungkin boleh dikaitkan dengan satupun jenis morfologi tradisional yang membabitkan morfologi nominal itu. Akan tetapi seperti yang pernah dibuktikan oleh Arthur Capell, bahawa ada banyak bahasa, serta rumpun bahasa, yang morfologinya lebih kaya dari segi pengujaran. Beliau mengusulkan empat istilah untuk jenis morfologi bahasa yang membabitkan kata nama dan/atau kata kerja, iaitu: naungan objek, naungan peristiwa, naungan ganda, dan naungan neutral (Capell, 1979). Jenis yang terakhir jelas merangkumi bahasa analitis. Bagi jenis naungan peristiwa, yang menonjolkan morfologi kata kerja, bahasa rumpun Austronesia pun boleh ditakrifkan, pada pendapat saya (A. Capell sendiri tidak menyelidiki bahasa Austronesia) (Alieva, 1998:15).

SARANA ANALITIS

Sarana analitis dalam tatabahasa Melayu bukan sahaja berlaku pada pering-

kat unit leksis tetapi juga pada peringkat sintaksis. Urutan kata progresif iaitu “yang menerangkan sesuatu selepas yang diterangkan” (D - M) dalam membentuk rangkaian sintaksis seperti kelompok kata dan frasa. Urutan kata demikian yang tetap dalam kelompok kata dan frasa pada peringkat ayat berinteraksi dengan urutan yang relatif bebas di antara kelompok kata dengan frasa.

Dalam pembinaan ayat, model “pokok nominal + sebutan kerjaan (termasuk yang berkopula kerjaan)” bukan menjadi model yang unik, seperti halnya dalam bahasa rumpun Indo-Eropah. Ada beberapa jenis model lain tanpa kata kerja yang bebas digunakan.

Kelompok kata iaitu rangkaian beranggota dua sering menjadi unit leksis yang tetap yakni kata gabungan. Di samping pengimbuhan dan pengulangan, cara ini agak produktif untuk menerbitkan leksem baharu.

Di samping kelompok kata yang beranggota dua, kata leksis itu mempunyai bentuk rangkaian beranggota dua yang terdiri daripada sebuah leksem penuh sebagai komponen inti, dan di sebelah kirinya mempunyai komponen tatabahasa yang berperanan sebagai penegas tatabahasa. Bentuk ini dikenali sebagai kata tugas atau kata bantu yang memberikan makna tatabahasa pada kata inti. Urutan komponen yang dibabitkan dalam rangkaian demikian adalah urutan regresif yang diistilahkan tatabahasa kompleks dan dianggap satuan sintaksis analitis khusus.

Dalam linguistik umum berdasarkan teori E.Sapir, perbezaan antara jenis analitis dengan jenis sintetis bahasa biasanya diperikan sebagai bahasa analitis atau sintetis. Pendekatan saya berbeza daripada pendekatan tradisional, kerana yang hendak diterapkan di sini ialah ciri-ciri sintetis dan analitis dalam struktur bahasa Melayu sahaja. Kedua-dua jenis sarana itu mempunyai fungsi masing-masing dalam sistem bahasa Melayu, sambil menjadikan kesinambungan sistematik bersifat khusus bahasa Melayu. Saya tidak menggunakan istilah “isolatif” yang mengemukakan hal ketiadaan sarana untuk menyatakan hubungan antara kata dalam ayat. Bagi bahasa Melayu yang mempunyai kategori diatesis dan ketransitifan perbezaan yang menyatakan hubungan berkenaan, maka pentakrifan “analitis” lebih sesuai.

Perimbangan sintetisme-analitisme nampaknya sesuatu yang sangat abstrak, boleh dianggap tidak penting dalam pertuturan dan pembelajaran bahasa. Meskipun demikian, perimbangan tersebut penting demi kemandirian bahasa. Perimbangan itu berperanan dalam perkembangan politik dan sosioekonomi masyarakat, dalam usaha menjadikan sesuatu bahasa itu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

ANALITISME DAN SINTETISME

Imbuan yang bersifat aglutinasi jenis Indonesia serta sarana pengulangan akan digunakan dalam perbincangan mengenai sarana sintesis.

Oleh sebab imbuan aglutinatif digunakan untuk menerbitkan leksem baharu, maka lexis berbeza ataupun kelas katanya berbeza. Proses penerbitan ini yang terdapat pada kata nama dan kata predikat, kadangkala juga pada kata bilangan.

Melalui imbuan dapat pula diterbitkan bentuk tatabahasa yang tidak menyinggung makna lexis. Demikianlah bentuk berawalan *di-* dan berawalan *meN-* yang menentang awalan *di-*. Kedua-dua bentuk ini beralaskan sifat ketransitifan kata kerja, dan ini bererti bahawa adanya pertentangan kedua-dua bentuk ini yang merupakan teras definisi untuk kata kerja transitif. Kedua-dua bentuk berkenaan boleh diterbitkan daripada morfem akar kata kerja transitif (seperti *bawa, beri, ambil, angkat, rampas*) dan daripada akar kata kerja terbitan yang sedemikian.

Morfem akar kata kerja transitif berfungsi sebagai dasar kata secara langsung dengan menerima awalan *meN-* atau *di-*:

<i>ambil:</i>	<i>mengambil – diambil,</i>
<i>pukul:</i>	<i>memukul – dipukul,</i>
<i>rampas:</i>	<i>merampas – dirampas.</i>

Dasar kata kerja terbitan diturunkan dengan imbuan tertentu atau dengan pengulangan, misalnya:

<i>-ambilkan:</i>	<i>mengambilkan – diambilkan,</i>
<i>-besarkan:</i>	<i>membesarkan – dibesarkan,</i>
<i>-pukuli:</i>	<i>memukuli – dipukuli,</i>
<i>-persenjatai:</i>	<i>mempersenjatai – dipersenjatai,</i>
<i>-perbincangkan:</i>	<i>memperbincangkan – diperbincangkan,</i>
<i>-lempar-lempari:</i>	<i>melempar-lempari – dilempar-lempari.</i>

Di sini imbuan *me-* dan *di-* hanyalah berfungsi tatabahasa, di samping mewujudkan kategori diatesis aktif - pasif.

Akhiran *-kan* dan *-i* menerbitkan beberapa bentuk dasar kata kerja transitif. Perkaitannya dengan morfem akar kata kerja transitif membawa fungsi tatabahasa sahaja, tanpa melibatkan makna lexis:

<i>-tanam ></i>	<i>-tanamkam, -tanami,</i>
<i>-kirim ></i>	<i>-kirimkan, -kirimi,</i>

-lempar > -lemparkan, -lempari.

Terjadi pembezaan makna ketransitifan, sesuai dengan objek yang ditonjolkan – wujudnya kategori ketransitifan bezaan. Sebaliknya, daripada morfem jenis lain, “-kan”, “-i” seperti juga “per-”, “per-kan”, “per-i” menerbitkan dasar leksem kata kerja yang baharu: Misalnya, *-besarkan, -utamakan, -pentingkan, -peristerikan*. Kesemuanya proses penerbitan.

Ada banyak lagi contoh proses sinkretisme yang menyatukan proses penerbitan dan tatabahasa dalam satu pengimbuhan misalnya, penerbitan dasar kata kerja dari morfem nominal bersama dengan pembezaan ketransitifan.

Contohnya:

gambar > -gambarkan, -gambari,
perintah > -perintahkan, -perintahi.

Dalam perbincangan tentang sarana sintesis kata kerja transitif, perlu dilihat dua perkara utama yang berkait rapat, iaitu bentuk berawalan yang bermakna diatesis, dan unit berakhiran (sebahagiannya) yang menjadi dasar kata kerja transitif yang diberi awalan terbabit. Untuk menerapkan keduanya perlulah diberikan huraian bagi sebahagian besar sistem tatabahasa Melayu (Alieva, 1972; 1975; 1991; 1998), di samping huraian dalam karangan ahli linguistik lain. Dalam makalah ini perlu ditonjolkan satu masalah yang khusus bagi variasi bahasa Melayu, iaitu penggunaan bentuk kata kerja transitif berawalan kosong.

Paradigma kata kerja transitif Melayu di samping bentuk berawalan *meN-* dan *di-* memiliki satu bentuk lagi yang dapat disebut bentuk berawalan kosong. Bentuk ini sama susunannya seperti dasar kata kerja transitif yang disebut di atas dan merupakan unit yang tinggal sekiranya digugurkan *di...* pada bentuk pasif berawalan *di-*.

Walaupun pertentangan *meN-*+ kata dasar dan *di-*+ kata dasar menunjukkan fungsi dan makna yang agak jelas, namun bentuk berawalan kosong banyak didapati dalam buku tatabahasa masa kini seperti bahasa Melayu klasik, bahasa Melayu Moden dan Bahasa Melayu Johor-Riau. Menurut kaedah yang terdapat dalam buku tersebut, model ayat dengan kata kerja transitif berawalan kosong terdiri daripada paling kurang dua gatra, iaitu satu kata atau frasa nama yang bermakna objek dan gatra predikat. Gatra predikat merupakan rangkaian suatu komponen kata ganti (ganti nama termasuk nama berfungsi kata ganti) yang terikat dengan kata kerja transitif berbentuk dasar, iaitu berawalan kosong. Menurut huraian tradisional,

komponen ganti nama itu merujuk kepada subjek, atau pelaku kerjaan sebagai ganti nama pertama atau kedua dan tidak dianggap sebagai ayat utama/inti. Menurut kaedah tatabahasa Melayu klasik, komponen kata ganti bersama komponen kerjaan tak berawalan itu kedua-duanya terikat sehingga merupakan satu anggota ayat iaitu sebutan. Sebutan kompleks ini berhubungan dengan frasa nama yang bermakna objek (objek jenis apakah, itu dirujuk oleh makna ketransitifan kata kerja terbabit), maka frasa nama objek itu berfungsi ayat utama. Kalau ayat aktif bermodel $S + meN- V + Ob$ ayat yang dihuraikan ini adalah bermodel $Ob + (S + \emptyset V)$.¹ Model ini serupa dengan model ayat pasif sebenar iaitu $Ob + di-V [\pm (oleh) S]$. Pelaku di sini tidak wajib kehadirannya atau mungkin menjadi orang ketiga atau orang yang tak pasti. Komponen kata ganti dalam model $Ob + (S + \emptyset V)$, menurut kaedah bahasa Melayu klasik, hanya boleh menjadi orang pertama atau kedua sahaja. Maka itu, secara demikian terbentuklah suatu paradigma diatesis pasif yang disebut pasif pertama dan pasif kedua. Terdapat ayat aktif, dan ada dua model ayat pasif yang bertentangan dengannya. Adakah paradigma tatabahasa yang teratur dan bentuk diatesis medial berawalan *ber-* ini memadai bagi bahasa yang hidup, yang digunakan sama ada dalam penulisan ilmiah atau lebih-lebih lagi dalam perbualan, pernyataan fikiran dan komunikasi? Sudah pasti, jawapannya tidak.

Daripada pelbagai jenis wacana, diambil contoh berikut yang tidak mempunyai komponen kata ganti di depan kata kerja:

1. Dan dia yakin kalau ada seseorang yang sanggup *kendalikan* mereka ... (CIT 68);
2. Dia ... lalu ke Lorong Panjang untuk *ambil* teksi pulang ke Johor Bahru (CIT 32);
3. Emak sudah pun selesai *kutip* susu getah. (FBAK 151);
4. Dan dia tahu apa yang Seman sedang *lakukan*. (ZN 6);
5. Cermat bersolat boleh *dekatkan* diri dengan Allah. (HA Cermat);
6. Kami masih *perlu* nasihat dan pendapat mak cik. (ZN 184);
7. Di kelas pun saya tidak ada kawan yang rapat ... Tetapi, kenapa saya masih belum *temuinya* ...? (*Minda Pelajar* 427, II, 2002. Kaunseling).

Jelas bahawa awalan *meN-* yang menunjukkan subjek yang digugurkan di sini bukan tanpa erti. Lalu muncul ayat dengan subjek orang ketiga dan kata kerja transitif berawalan kosong. Terlanggarkah kaedah begitu sahaja atau dibina ayat anggota paradigma yang mempunyai erti khusus. Dalam contoh di atas objek dinyatakan dengan cukup jelas, bukan sebagai dalam ayat dengan sebutan medial berawalan *ber-* sama ada subjek disebut dengan

kata ganti nama ataupun dengan kata nama penuh. Ertinya model ini tidak terbatas penggunaannya oleh persona subjek, sebagai terbatasnya penggunaan kata kerja berawalan kosong dalam kaedah klasik dengan orang pertama atau kedua. Bahkan kata penegas waktu dan modus (*sanggup, selesai, sedang, boleh, masih, masih belum*) dengan bebas ditempatkan antara kata dasar dan kata kerja tanpa awalan. Jelaslah bahawa struktur ini tidak mengikut kaedah diatesis klasik.

Bagaimanakah kedudukan model ayat yang berkenaan dalam sistem diatesis bahasa Melayu moden? Haruskah disangkal sahaja satu lagi model dalam paradigma dan kaedah yang berkaitan dengannya? Pada pendapat saya, ini tidak boleh disangkal kerana digunakan oleh penutur bahasa. Ahli tatabahasa seharusnya memberi analisis dan pentakrifan: sistem diatesis apakah yang terdapat sebenarnya dan apakah makna bentuk awalan kosong di dalamnya.

Kepelbagaian pengimbuhan pula berkaitan dengan pelbagai bentuk pengulangan dalam kelas kata predikatif, khususnya pada subkelas kata kerja transitif. Kelas kata nama sama sekali tidak memiliki apa-apa model imbuhan tatabahasa (kasus, jumlah, gender) seperti yang sesuai dengan konsep A. Capell yang dirujuk di atas. Akan tetapi dalam bahasa Melayu terdapat banyak model terbitan kata nama, terutama daripada dasar kata predikatif. Ketiga-tiga jenis imbuhan yang produktif dalam bahasa Melayu iaitu awalan, akhiran (*-an*) dan konfiks (*peN-an, per-an, ke-an*) digunakan dalam terbitan kata benda, di samping sisipan yang tidak produktif serta bentuk pengulangan. Kesemua bentuk pengimbuhan seperti yang saya huraikan di atas merupakan aglutinasi jenis Indonesia.

Sarana sintesis yang lain yang luas penggunaannya dalam bahasa Melayu ialah pengulangan morfem dan perkataan. Sarana ini adalah ciri sebenar bukan sahaja bagi bahasa Austronesia, bahkan bagi bahasa Semenanjung Indochina seperti rumpun Austroasiatik (Viet-Muong, Mon-Khmer), Thai, Myanmar. Dari segi struktur formal dalam bahasa di dua kawasan Asia Tenggara, iaitu kepulauan dan semenanjung ada sarana pengulangan yang berbeza-beza. Dalam bahasa semenanjung misalnya, tidak terdapat pengulangan dengan memotong suku morfem dari kanan atau dari kiri yang biasa bagi bahasa dwisuku Nusantara. Hal ini demikian kerana susunan ekasuku bahasa Indocina. Variasi fonologis dalam suku yang merupakan morfem ekasuku berkenaan lebih merupakan ciri bahasa Indocina. (Alieva, 1998; 2000).

Pemerian dan analisis daripada sarana pengulangan dengan pelbagai bentuk dan ertinya telah kerap dibincangkan dalam buku dan makalah. Saya ingin menonjolkan sesuatu yang berkaitan dengan ulangan morfem dalam

kata kerja. Itulah soal peranan sarana ulangan yang di dalamnya dinyatakan makna aspek kata kerja, yakni aspektualitas sebagai satu kategori khusus tersendiri yang perlu dibezakan daripada kategori masa. Kategori aspek wajib yang sangat kaya misalnya pada kata kerja bahasa Rusia dan Slav lainnya terdapat dalam banyak buku dan telah dibincangkan dalam persidangan. Dua ahli bahasa berbangsa Indonesia yang pernah belajar di Rusia sudah berusaha menyelidiki masalah ini dengan menggunakan data bahasa Indonesia.²

Dalam buku *Deskripsi dan Teori* (Alieva et al., 1991) saya menulis aspek kata kerja tak transitif dan aspek kata kerja transitif. Definisi aspek yang kami berikan di sini ialah: "Makna aspek ialah komponen makna kata kerja yang bersifat tatabahasa tambahan yang menegaskan bagaimana jalannya sesuatu proses (tindakan, keadaan) yang tercermin dalam makna pokok, makna leksikal dari kata kerja tersebut". "Kami berpendapat bahawa makna aspek yang dimiliki oleh kata kerja Indonesia tergabung dalam dua kelompok besar, dua medan semantik aspektual. Pada pusat tiap-tiap medan tersebut terdapat salah satu dari dua makna, iaitu: (a) makna kompletif, dan (b) makna duratif". Dalam (a) terangkum corak makna kompletif iaitu: sempurna (utuh), perfektif, selesai, berakhir, resultatif, momentan, spontan, inovatif (mula). Dalam (b) tergabunglah makna yang mencirikan berlakunya proses: berlangsung, berkembang, berkepanjangan, belum berakhir, berulang-ulang, intensif, berkaitan dengan sejumlah subjek atau objek (termasuk timbal-balik dan dalam waktu yang sama/ persamaan waktu).

Kedua-dua bidang semantik terbabit terjelma dalam kata kerja bahasa Melayu. Maka kategori aspek dalam bahasa Melayu dapat dianggap kategori yang direalisasikan secara sintetis. Padahal kata penegas analitis yang digunakan pada sebelah kiri kata kerja menyatakan makna kategori masa. Ada tiga jenis sarana yang menjelmakan aspek. Pertama, pembahagian kata kerja akar menjadi golongan leksikal. Kedua, pengimbuhan, dan ketiga, pengulangan. Antaranya, dalam contoh mengenai proses penerbitan dan infleksi, bersamaan dengan sinkretisme. Justeru pengulangan sentiasa digunakan dengan bebas sebagai sarana morfologis untuk menyatakan makna medan panjang pendek bunyi.

SARANA ANALITIS

Dalam usaha menghuraikan persoalan sarana analitis dalam bahasa Melayu, seperti dalam bahasa analitis sebenar, perlu diberi perhatian akan kepelbagaian struktur sintaksis, iaitu berbagai-bagai rangkaian kata, baik yang

berupa kelompok kata mahupun yang berupa konstruksi bersusunan tetap yang mengandungi makna sintaksis yang kompleks. Kepelbagaian itu menuntut supaya ada istilah tertentu bagi setiap jenis susunan. Saya cadangkan agar sebutan *konstruksi* digunakan dalam tatabahasa. Pada taraf leksikal, ada unit tetap yang merupakan rangkaian daripada dua komponen leksis.

Rangkaian dedua yang bermakna dan berfungsi sebagai satu perkataan dalam banyak bahasa yang berbeza-beza mengemukakan suatu masalah yang rumit. Di mana batasnya antara rangkaian leksis yakni unit dedua yang tidak bebas dengan rangkaian kata dedua yang bersifat bebas yang ada dalam sintaksis?

Dengan mengambil kira persoalan tersebut, maka rangkaian dedua pada taraf leksikal boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu, kata majmuk dan kata gabungan.

KATA MAJMUK

Kata majmuk mempunyai makna idiomatis. Dengan kata lain, makna idiomatis itu utuh dan tidak berasal daripada jumlah purata erti tiap-tiap bahagiannya, seperti *mata wang*, *matahari*, *hulubalang*, *maharajalela*, *ibu pejabat*. Kata majmuk juga mempunyai keutuhan bentuk, terutama kalau ada komponen yang tidak digunakan sendiri dalam kata seperti *mahaguru*, *swapraja*, *prasejarah*, juga mungkin ada imbuhan yang merujuk keutuhan, seperti *ketidakfahaman*, *membabi-buta*, *dianakemaskan*, *disusubotolkan*. Ada sejumlah kata majmuk dengan komponen kata kerja yang tidak berkaitan dengan hubungan sintaksis normal dengan komponen lain, misalnya: *meja cuci*, *anak angkat*, *batu timbang*, *angkat kaki*, *naik darah*, *jatuh cinta*. Di antara kedua-dua komponen itu, tidak dapat dimasukkan apa-apa atribut atau penegas tatabahasa, tidak boleh diadakan transformasi atau digantikan satu komponen dengan sinonimnya. Hal ini demikian kerana kesemua makna istimewanya hilang, atau muncul rangkaian sintaksis yang bebas seperti: *meja untuk cuci*, *anak diangkat*, *bulan muncul*, *mengangkat kaki* (*ke atas bangku*), *batu ditimbang*, *batu untuk menimbang*.

Ciri keutuhan dan kestabilan yang tersebut inilah yang dimiliki oleh jenis kata gabungan. Dengan demikian kata gabungan dapat dibezakan daripada rangkaian kata sintaksis seperti kelompok kata dan frasa, walaupun susun atur lahiriahnya tidak berbeza, misalnya *rumah panjang*, *rumah gila*, *lapangan terbang*, *balai raya*, *anak panah*, *anak sungai*, *berbalik muka*. Rangkaian seperti ini biasanya tidak difahami langsung maknanya kerana

sudah menjadi satuan yang tetap yang dimasukkan dalam kamus dan harus dihafal oleh penutur asing. Komponennya tetap hingga tidak dapat digantikan oleh sinonim: *balai raya* bukannya *gedung raya* dan *rumah panjang* bukannya *rumah yang panjang*, *ilmu bumi* bukannya *ilmu tanah* atau *pengkajian bumi*. Jenis kata gabungan inilah seperti tahap peralihan antara rangkaian dedua dalam sintaksis dan dalam leksikon.

Pada tahun 1951 A.A. Fokker menunjukkan perbezaan struktural antara dua jenis kelompok kata, iaitu *onderschikkende groep* rangkaian yang dapat dipisahkan dan *nevenschikkende groep* yang tak dapat dipisahkan. Yang terakhir ini disebutnya *vaste groep* kelompok tetap [Fokker, 1951:182–187]. Akan tetapi ini bukan sifat (tetap) yang dimiliki kata gabungan; kedua-dua jenis rangkaian ini dapat dibentuk tiap-tiap kali dari dua kata menurut keperluan makna wicara (ujaran); hubungan sintaksis antara dua kata terbabit hanya dari segi kedudukan, dengan cara implisit, tanpa sarana eksplisit. Sesuai dengan kaedah rangkaian subkelas kata serta mengambil kira valensi semantik masing-masing kata, dapat dibentuk secara bebas (bebas dalam batas di atas) kelompok kata yang tidak dapat dipisahkan dan selari dengannya kelompok kata yang dapat dipisahkan. Jenis rangkaian yang pertama mempunyai hubungan sintaksis antara dua kata terbabit hanya berupa posisi sahaja, iaitu sarana implisit, tanpa sarana eksplisit. Pada jenis yang kedua terdapat sarana hubungan sintaksis eksplisit, sebagai kata *yang*, sendi nama, kata nafi *tidak*, kata-kata seperti *lebih*, *agak*, *sangat*.

Contohnya:

Rumah tinggi - *rumah yang tinggi*, *rumah tidak tinggi*, *rumah lebih tinggi*
Rumah keluarga kami - *rumah daripada keluarga kami*
Rumah sewaan - *rumah untuk sewaan*
Rumah tetamu - *rumah bagi tetamu*;
 [Abang saya] *dikirim surat* - *dikirim pula banyak surat*,
 “ *dikirim isterinya* - *dikirim oleh isterinya*,
 “ *dikirimkan pengarah* - *dikirimkan oleh pengarah*,
 “ - *dikirimkan ke Jakarta*,
 “ - *dikirimkan untuk penyelidikan dsbnya*.

Kemungkinan menggunakan sarana eksplisit secara bebas akan mengubah urutan kata dalam frasa dengan beberapa komponen tergantung, seperti: *banyak dikirim surat oleh isterinya/oleh isterinya dikirim pula banyak surat*, dan sebagainya. (Alieva, 1996).

Sebaliknya kelompok kata yang tidak dapat dipisahkan, terutama yang

atributif, merupakan sumber untuk memperkaya kosa kata, kerana dapat menjadi unit bersusunan tetap dengan makna yang utuh dan tentu pula, seperti kata gabungan di atas. Ertinya, satuan berkenaan telah berubah menjadi kata gabungan, yakni satuan leksis, bukan sintaksis.

Proses berkenaan berlaku secara sedar sehingga diterbitkan unit yang diperlukan sebagai istilah dalam pelbagai bidang. Banyak istilah linguistik yang dibentuk oleh penyelidik dan penulis, misalnya *kata kerja*, *kata majmuk*, *kata gabungan*, *rangkaian kata*, *kelompok kata* dan sebagainya. Kaedah ini sangat produktif dalam usaha memperkaya kosa kata dan peristilahan bahasa Melayu.

KATA GABUNGAN

Terdapat serentetan model rangkaian sintaksis dedua yang perlu dianalisis secara khusus. Rangkaian itu bukan yang terdiri daripada dua kata leksis penuh, tetapi daripada sebuah kata penuh sebagai nukleus dengan sebuah komponen tatabahasa di depannya. Komponen tatabahasa bersama leksem nukleus merupakan kompleks tatabahasa pelbagai jenis, sama ada yang menyatakan hubungan sintaksis dengan bantuan kata sendi nama, kata tugas relatif ataupun menyatakan bukan hubungan antara kata, melainkan makna tatabahasa tambahan, seperti masa, fasa, modus pada kata kerja, darjah sifat dan perbandingan pada kata sifat. Sarana tatabahasa analitis seumpama ini sangat penting peranannya dalam bahasa analitis.

Dalam bahasa Melayu rangkaian sintaksis seperti kompleks tatabahasa mempunyai fungsi yang sangat banyak. Yang harus dikemukakan mengenai susunannya ialah urutan kata di dalamnya menurut kaedah regresif, M – D, dan yang digunakan sebagai komponen menerangkan (kiri) bukan kata leksis penuh, melainkan kata petugas tergantung yang tidak mempunyai apa-apa peranan sintaksis jika digunakan sendiri, misalnya dilepaskan kata nukleus dalam posisi kanan. Umpamanya rangkaian atributif dengan kata tugas relatif *yang* dan rangkaian kata sendi nama + kata nama. Kata sifat pula dapat digunakan dengan kata penegas *dengan*, *secara* serta berfungsi sebagai keterangan. Satu jenis lagi yang sering ditemui ialah rangkaian kata sendi nama + kata kerja yang menjadikan frasa kerja. Makna dan fungsinya belum cukup dianalisis dan diperikan, berbanding dengan berbagai-bagai frasa dengan kata tugas relatif *yang*. Umpamanya dalam kata sendi nama, digunakan kata penghubung seperti *sambil*, *kerana*, *untuk*, *supaya* dan sebagainya.³

Jenis yang disebut di atas gunanya untuk menyatakan hubungan dan


peranan sintaksis dalam ayat – sebagai pelengkap, atribut, berbagai-bagai keterangan. Adanya sendi nama, kata *yang* atau kata hubung yang lain merupakan sarana analitis eksplisit,

Jenis kompleks tatabahasa M – D tersebut tidak diperhatikan sebagai jenis khusus khusus yang merupakan ciri susunan bahasa analitis.


Satu lagi kompleks tatabahasa yang digunakan untuk menyatakan makna beberapa kategori rujukan (kepredikatifan); ialah kompleks yang bernukleus kata kerja yang mungkin mempunyai makna waktu,⁴ modus, fasa, kebersamaan, timbal balik (resiprokal), serta makna pasif analitis (penegas *kena*). Kompleks yang bernukleus kata sifat mempunyai makna perbandingan dan darjah sifat.

Pengertian “kategori tatabahasa” dalam bahasa Melayu dapat diperkayakan oleh sebab ada set (rentetan) komponen tatabahasa yang berpola dari satu erti kategori, hingga bersama suatu kata lexis nukleus yang menerbitkan paradigma bagi kata itu. Misalnya, kategori masa dengan kata kerja *belajar*, seperti yang berikut boleh dijadikan *paradigma*:


Makna hubungan waktu yang *mendahului*:



Makna hubungan waktu *serentak*:



Makna hubungan waktu *penyusul*:



Paradigma kategori modus iaitu hubungan antara subjek dengan predikat dari sudut pernyataan logik (dalil) adalah umpamanya seperti yang berikut:

Makna kata penegas dan kata nafi dengan kata kerja dan kata sifat (kelas predikatif):

<i>Ada</i>	}	<i>Belajar/Miskin</i>
<i>Adalah</i>		
<i>Pernah</i>	}	<i>Belajar/Miskin</i>
<i>Tak pernah</i>		
<i>Tidak</i>	}	<i>Belajar/Miskin</i>
<i>Takkan, enggan</i>		
<i>Belum</i>		
<i>Jangan</i>		

Makna kata penegas dan kata nafi dengan kata nama dan kata ganti (kata nama):

<i>Ialah</i>	}	<i>Pelajar/Sesiapa</i>
<i>Adalah</i>		
<i>Bukan</i>		

Makna modus kesanggupan - pada kata kerja:

<i>Dapat</i>	}	<i>Boleh</i>
<i>Tidak</i>		
<i>Sanggup</i>		<i>Belajar</i>
<i>Berhak</i>		

Makna modus keharusan - dengan kata kerja:

<i>Harus</i>	}	<i>Belajar</i>
<i>Perlu</i>		
<i>Wajib</i>		

Beberapa kata bantu yang merujuk kepada peringkat proses kerja, atau gerakan, atau keadaan, bersama kata kerja nukleus boleh pula disatukan dalam paradigma kategori fasa, seperti:

<i>Mula</i>	}	<i>Belajar</i>
<i>Tengah, lagi</i>		
<i>Habis, tamat</i>		

Untuk menyatakan makna *serentak dan timbal-balik* pada kata kerja yang bertentangan dan bersifat privatif, satu anggota mempunyai makna berkenaan manakala yang lain tidak memilikinya:

<i>Sama</i>	}	<i>Belajar</i>
<i>Sama-sama</i>		
<i>Pada</i>		<i>Mengajar</i>
<i>Saling</i>		
<i>Satu sama lain</i>		

Paradigma kompleks tatabahasa untuk kata sifat meliputi pernyataan darjah sifat dan perbandingan:

<i>Sangat</i>	}	<i>Adil,</i> <i>Miskin</i>
<i>Terlalu, terlampau</i>		
<i>Lebih</i>		
<i>Kurang</i>		
<i>Paling</i>		
<i>Makin, semakin</i>		

Tidak perlu diberikan banyak contoh untuk membuktikan adanya paradigma seperti ini. Yang perlu hanyalah membuat kesimpulan tentang adanya kompleks tatabahasa sebagai satuan sintaksis khusus, dengan kata penegas tatabahasa yang mengambil kedudukan kiri - di depan nukleus.

Berhubung dengan tiga jenis kompleks tatabahasa: (1) *sendi nama + kata nama*; (2) *kata sambung* (termasuk sebahagian sendi nama) + *kata kerja*; (3) *penegas tatabahasa + kata kerja* atau *kata sifat*, dibincangkan satu hal lagi mengenai sifat dan hakikat kata berfungsi penegas. Di antara sendi nama ada kata yang bersifat partikel asli seperti *di, ke, dari, akan*, tetapi ada lebih banyak yang berasal daripada kata leksis. Dalam proses kemajuan bahasa, kata leksis berkenaan telah kehilangan komponen semantik leksisnya sehingga menjadi sesuatu yang bermakna abstrak relatif sahaja, seperti *oleh, pada, tentang, dengan, atas, bagi, untuk, sambil, hingga, mengenai*, dan sebagainya.

Demikian juga keadaan kata penegas lain. Jika kata *telah, akan, kelak, masih, lagi, tidak, bukan, belum, dan jangan* tidak memiliki etimologi nyata sebagai satuan leksis serta hanya berfungsi tatabahasa sebagai kata tugas sahaja, maka yang lain seperti *sedang, sudah, pernah, nak, tengah, habis, mula, harus, sama, sangat, kurang, dan lebih* memiliki etimologi leksis sebenar dan sebahagiannya dapat berfungsi dalam bahasa moden sebagai

kata predikat atau kata nama: *kejadian yang sudah, harga sedang, di tengah orang, wang habis*, ataupun sekurang-kurangnya dapat berfungsi sebagai morfem akar untuk penerbitan: *kesudahan, mengharuskan, membolehkan, dimulai, melebihi* dan seterusnya.

Kata bantu seperti ini tergolong dalam satu paradigma dengan kata tugas yang tidak bermakna leksis serta bersama-sama dalam paradigma itu menyatakan corak makna kategori tatabahasa tertentu, sehingga dianggap kata penegas tatabahasa dan sarana analitis tatabahasa.

Dua jenis sarana analitis yang dirujuk di atas dapat diterapkan sebagai dua jenis susunan tatabahasa analitis, atau dua jenis analitisme. Kedua-dua jenis itu wujud berbeza di dua kawasan Asia Tenggara; kawasan kepulauan dan kawasan semenanjung Indochina yang pelbagai rumpun bahasanya (Alieva, 2000). Kedua-dua jenis analitisme berkenaan disebut jenis Oceania atau Polinesia (yang serumpun dengan bahasa Malayik), dan jenis Indochina. Sebagai contoh saya pernah mengkaji bahasa Maori sebagai contoh jenis Polinesia dan bahasa Cam sebagai contoh jenis Indochina (walaupun itu bahasa Malayik pula).

Bahasa Polinesia telah kehilangan imbuhan asli Austronesia hingga segala makna tatabahasanya dinyatakan dengan bantuan sarana analitis, iaitu puluhan partikel yang tidak bermakna leksis sama sekali, yang biasanya ditambah pula puluhan klitik kata ganti yang semuanya berstruktur ekasuku.

Dalam wacana bahasa Polinesia, misalnya bahasa Maori, ayat terbahagi kepada berbagai-bagai gatra khusus, yang terdiri daripada satu nukleus kata leksis dwisuku yang di kiri dan di kanannya mempunyai pelbagai partikel tatabahasa, termasuk klitik kata ganti.

Sebaliknya dalam jenis Indochina, misalnya bahasa Vietnam, wacana merupakan rentetan unit kata ekasuku yang semuanya mempunyai erti leksis; sebahagian daripada kata leksis itu boleh dianggap berfungsi tatabahasa yang menyerupai fungsi sendi nama, penegas masa, aspek, modus atau penegas pasif; dalam fungsi tatabahasa sebahagian kata leksis itu seperti mempertahankan erti abstrak relatif sahaja, akan tetapi dapat berfungsi pula sebagai kata penuh biasa.

Terdapat perubahan struktur dalam dialek pertuturan bahasa Cam moden⁵ yang saya sebutkan sebagai contoh jenis Indochina, walaupun dari segi etimologinya berkerabat dekat (hampir sama) dengan bahasa Melayu. Banyak kata leksis yang digunakan dalam bentuk ekasuku; kata leksis juga banyak digunakan dalam fungsi tatabahasa, walaupun ada beberapa kata partikel beretimologi Austronesia seperti *ka* 'ke, akan', *'ti* 'pada, dari', *o*, *oh* 'tidak'.

Perbezaan antara Cam dengan Maori dari segi jenis analitisme diperlihatkan oleh Greenberg. Apabila dihitung indeks Aux/W , iaitu jumlah morfem tugas (partikel) dibahagi dengan jumlah semua kata dalam contoh teks Maori dan teks Cam, maka nisbahnya ialah $0.44 : 0.14$. Dalam perkiraan pada teks Vietnam, indeks ini lebih rendah daripada indeks dalam teks Cam. Perbezaan ini merupakan teras perbincangan dua jenis analitisme – jenis Polinesia dan jenis Indochina (Alieva, 1991).

Indeks analitisme dan sintetisme pernah saya hitung dengan menggunakan kaedah statistik kuantitatif yang pernah diusulkan oleh H.Greenberg (Greenberg, 1960), dan dikembangkan oleh Viktor Krupa di Bratislava (Krupa, 1965) dan oleh Alieva (Alieva, 1998: 34–41). Atas dasar beberapa contoh wacana Indonesia, Melayu klasik, Melayu Malaysia saya hitung nilai purata (peratus) sarana sintetis dan analitis bagi semua gramem dalam tiap-tiap teks. Sebagai satu gramem difahami masing-masing makna tatabahasa sama ada yang eksplisit dinyatakan oleh imbuhan, ulangan, penegas tatabahasa (tatabahasa, ataupun yang implisit dinyatakan oleh urutan kata tetap. Lihat dalam jadual di bawah (yang dilampirkan pernyataan tanda dan sumber teks).

Jadual itu terdiri daripada tiga bahagian. Pada baris 1 – 4 diberi jumlah perkataan (W) dan morfem (M) serta indeks sintetisme (M/W) menurut kaedah Greenberg; ditambah pula jumlah kata berimbuhan (DER).

Baris 5 – 9 menunjukkan jumlah umum gramem (Gr), jumlah sarana sintetis (S) dan analitis (A), angka gramem sama dengan hasil tambah $S + A$. Sarana analitis dibezakan lagi atas analitis eksplisit (AE) dan analitis implisit (AI); Baris 10 – 13 merujuk kepada angka indeks tiap-tiap jenis sarana terhadap jumlah umum gramem; dalam hal ini, $S/Gr + A/Gr$ harus sama dengan 1.

Soal kesinambungan sarana sintetis dan analitis boleh juga dilihat dari segi perkembangan diakronik bahasa, perbezaan dialek dan gaya bahasa. Dalam pemilihan teks yang digunakan dalam jadual tersebut, perbezaan terdapat pada baris umum yang digambarkan. Persoalan ini mempunyai masalah tersendiri yang perlu dikaji secara khusus. Soal perkembangan diakronik bahasa Melayu pernah saya sentuh dengan pendekatan statistik tersebut dalam (Alieva, 1995).

Dalam sejarah perkembangan bahasa, bahasa yang dominan mempunyai perimbangan optimal antara sintetisme dengan analitisme. Pada zaman dahulu, bahasa bertaraf sintetik tinggi seperti bahasa Sanskerta, Parsi, Yunani dan Rom yang kaya morfologinya lenyap akibat perkembangan sejarah. Lama-kelamaan bahasa Benggali, Hindi, Urdu, Parsi moden, Yunani moden dan Rom popular kerana bahasa ini lebih analitis. Yang terakhir melahirkan rumpun Rom termasuk bahasa Perancis, Itali, Sepanyol, dan

Romania di samping rumpun bahasa Jerman. Percampuran bahasa di kawasan tertentu, seperti di Iran, India, di Eropah Tenggara (seperti juga di Asia Tenggara) pun disebabkan oleh hubungan ekonomi dan politik, sama ada melalui peperangan atau hubungan diplomatik “pertukaran tamadun” kebudayaan dan agama dalam kalangan kerajaan terbabit sehingga terjadi perubahan dan perbezaan sifat rumpun bahasa Indo-Eropah. Bentuk sintetik berkurangan atau hilang dan diganti oleh struktur analitis dengan kopula, artikel, kata sendi nama, serta berbagai-bagai partikel lain. Sejarah menunjukkan bahawa bahasa yang ternyata bersifat stabil, yang berperanan luas antara pelbagai bangsa mudah dikuasai oleh bangsa lain. Oleh yang demikian dalam zaman moden bahasa yang bersifat stabil bukanlah bahasa yang bersintetis tinggi.

Bahasa Melayu berkeupayaan tersebar begitu luas kerana bahasa ini mudah dipelajari dan mudah digunakan seperti bahasa Inggeris. Jadual di bawah menunjukkan bahawa beberapa indeks kesamaan antara bahasa Indonesia, Malaysia, Melayu klasik dengan bahasa Inggeris.

Jadual 1. Indeks kesamaan antara Bahasa Indonesia, Malaysia, dan Melayu klasik dengan bahasa Inggeris.

Jumlah sarana pada masing-masing teks									
Bil.	Simbol	Si Miskin	S. Mel	Rek	KMR	SD	Dini	Auk	Poe
1.	W	248	185	160	187	114	151	175	106
2.	M	312	246	223	222	159	221	223	151
3.	Der	21	29	28	13	27	45	21	27
4.	M/W	1258	1330	1393	1187	1394	1465	1247	1474
5.	S	45	26	35	26	23	51	24	60
6.	A	153	99	100	142	65	131	86	61
7.	AE	67	48	51	57	34	69	38	45

Petunjuk

- W - jumlah kata dalam kutipan teks.
- M - jumlah morfem dalam kutipan teks.
- Der - pengimbuhan derivatif.

sambungan Jadual 1

8.	AI	86	51	49	85	31	62	48	16
9.	Gr	198	125	135	168	88	182	110	121
Indeks statistik kekerapan									
10.	S/Gr	0227	0208	0259	0155	0262	0280	0219	0495
11.	AE/Gr	0338	0384	0378	0339	0386	0379	0345	0371
12.	AI/Gr	0434	0408	0363	0505	0352	0341	0436	0125
13.	A/Gr	0773	0792	0741	0845	0738	0720	0781	0505

- M/W - indeks sintetisme bahasa menurut H. Greenberg
 S - jumlah sarana tatabahasa sintetis
 A - jumlah sarana tatabahasa analitis
 AE - jumlah sarana analitis eksplisit
 AI - jumlah sarana analitis implisit
 Gr - jumlah gramem - makna tatabahasa tersendiri
 S/Gr - indeks sarana sintetis terhadap jumlah gramem
 AE/Gr - indeks sarana analitis eksplisit
 AI/Gr - indeks sarana analitis implisit
 A/Gr - indeks sarana analitis umumnya

Sumber teks

- Si Miskin *Hikayat Si Miskin // Emeis, M.G. Bunga Rampai Melayu Kuno. Bloemlezing uit het klassiek Maleis. J Wolters, Groningen-Jakarta, 1952. Hlm. 53.*
- S. Mel *Sejarah Melayu // Emeis 1952. Hlm. 125-126.*
- Rek *Rekonstruksi dan Cabang-cabang Bahasa Melayu Induk. Eds. M.T. Ahmad, Z. M. Zain. DBP, Kuala Lumpur, 1988.*
- KMR *Keris Mas. Rimba Harapan. DBP, Kuala Lumpur, 1987.*
- SD *Soenjono Dardjowidjojo // Prakata. //Mengiring Rekan Sejati. Unika Atma Jaya. Jakarta. 1994. Hlm.VII.*
- Dini *Nh. Dini. Sekayu. Cerita Kenangan. Gramedia, Jakarta, 1988. Hlm. 51-52.*
- Auk *Arswendo Atmowiloto. Auk. Grafiti, Jakarta. 1994 Hlm. 94-95.*

Poe A.E.Poe. *The Man of the Crowd. Prose and Poetry.* Raduga, Moscow, 1983. Hlm. 120.

NOTA

- 1 Di sini digunakan: S - subjek/aktor, O - aktan objek, V - verba, kata kerja, 0 - zero, awalan kosong.
- 2 Saya pernah mencuba menunjukkan perbezaan makna aspek ingeren pada pelbagai kata kerja tak transitif dengan analisis taburan pada Jadual III (Alieva, *et al.*, 1991: 148–149). Tadjuddin Mohammed yang bekerja di Bandung telah menulis sebuah monograf tentang pengungkapan makna aspek bahasa Rusia dalam bahasa Indonesia (Tajuddin Moh, 1993). Agus Salim yang tinggal di Belanda juga menulis beberapa makalah mengenai aspek, misalnya (Agus Salim, 1997). Kedua-dua penyelidik ini memberi banyak perhatian pada makna aspek ingeren (asli) pada morfem akar, kepada makna aspek yang dinyatakan oleh imbuhan verbal dan oleh ulangan.
- 3 Kedudukan kiri komponen bantuan di sini dapat dibandingkan dengan kiri awalan terhadap dasar kata dalam perkataan terbitan (*dalam susunan ~- disusun*). Gejala ini bersama dengan beberapa gejala struktural lain merupakan alasan untuk melihat sesuatu keseimbangan antara peringkat struktural yang pernah saya bincangkan (Alieva, 1998:47–51).
- 4 Mengenai kategori tatabahasa kategori waktu yang berdasarkan makna waktu yang relatif serta dinyatakan oleh saran analitis seperti kompleks tatabahasa yang seharusnya dibezakan dari kategori aspek/aspektualitas saya cuba memberi alasannya, lihat nota 2 di atas, (Alieva, 1993; 1998: 129–169; Alieva, *et al.*: 370–388).
- 5 Soal frasa kerja tanpa kata sambung yang merupakan sebutan ayat sebagai bahagian yang utama banyak dibincangkan. Akan tetapi frasa kerja yang bukan sebutan serta berfungsi tergantung dalam ayat, yang menggunakan atau tidak menggunakan kata sambung, sangat kurang mendapat perhatian dalam kalangan ahli bahasa justeru sebagai frasa tergantung dan bukan sebagai klausa, atau ayat dasar dalam ayat majmuk.

RUJUKAN

- Agus Salim, 1997. “The Problem of the Aspectual Classification of Indonesian Verb” dlm. *Proceedings of the Seventh International Conference on Austronesian Linguistics*: 217–232. Rodopi B.V. Amsterdam - Atlanta.
- Alieva, Natalia F., 1967. “Indonesian Sort of the Agglutinative Morphological Type” dlm. *Actes du X-me Congres International des Linguistes*, 3: 1–4.
- Alieva, Natalia F., 1975. *Indonesian Verb: The Category of Transitivity*. 136–140. GRVL, Moscow, hlm. 142.
- Alieva, Natalia F., 1988. “On Varieties of Analytism Within Austronesian” dlm. *The Fifth International Conference on Austronesian Languages. Abstracts*. Auckland.
- Alieva, Natalia F., 1991. “On Two Types of Analytism in the Austronesian Lan-

- guages from the Point of View of Areal Language Contacts” dlm. *Asian and African Studies*, 26: 27–36.
- Alieva, Natalia F., 1993. “Problems of Tense in General Linguistics and the Temporal System in Malay/Indonesian. Language and the Perception of Time and Space dlm. *Proceedings of the International Conference*: 174–182. University of Wales.
- Alieva, Natalia F., 1994. “Kontak Areal dan Kekhususan Bahasa Cam. Masalah Rukun Bahasa di Indocina” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 38, 7: hlm 626–638.
- Alieva, Natalia F., 1995. “Perkembangan Struktur Bahasa Melayu: Imbangan Sarana Analitis dan Sintetis pada Pelbagai Tahap Sejarah” dlm. *Kongres Bahasa Melayu Sedunia: Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Antarabangsa*: hlm. 142–149. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alieva, Natalia F., 1996. “Urutan Kata dan Gatra dalam Bahasa Melayu: Interaksi Urutan yang Bebas dan Tak Bebas” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40, 11: 982–989. Kuala Lumpur.
- Alieva, Natalia F., 1997. “The Progress of Monosyllabization in Cham as Testified by Field Materials” dlm. *Proceedings of the Seventh International Conference on Austronesia Linguistics*: 541–550. Rodopi B.V. Amsterdam - Atlanta.
- Alieva, Natalia F., 1998. “Reduplication in Southeast Asian Languages: Differences in Word Structures. Productivity and Creativity” dlm. *Studies in General and Descriptive Linguistics in Honour of E. M. Uhlenbeck*: 413–419. Ed. Mark Janse. Mouton, De Gruyter. Berlin-New York.
- Alieva, Natalia F., 1999. “Bahasa Cam: Deskripsi Singkat” dlm. *Linguistik Indonesia* (Jakarta), Th. 14, No 1–2: 1–17.
- Alieva, Natalia F., 2000. “Typological Comparison of the Southeast Asian Insular and Peninsular Languages: Grammatical Structures (In English and Vietnamese. PAN-Asiatic Linguistics)” dlm. *The Fifth International Symposium on Languages and Linguistics*. Volume I: 3–58. Hochiminh City National University.
- Alieva *et al.*, 1991 N.F. Alieva, V. D. Arakin, A.K. Ogloblin, Yu. H. Sirk. *Bahasa Indonesia. Deskripsi dan Teori*. ILDEP. Kanisius, Yogyakarta, hlm. 526.
- Capell A.A., 1979. “Further Typological Studies in Southeast Asian Languages” dlm. *South-East Asian Linguistic Studies*, 3: 1–41. Canberra. (PL, C–45).
- Krupa, Viktor, 1965. “On Quantification of Typology” dlm. *Linguistics*, 12: 31–36.
- Sapir E., 1921. *Language*. Harcourt Brace Jovanovich, New York.
- Tajuddin Mohammed, 1993. *Pengungkapan Makna Aspektualitas Bahasa Rusia Dalam Bahasa Indonesia: Suatu Telaah tentang Aspek dan Aspektualitas*, Seri ILDEP, Jakarta hlm. 273.